

## TATABAHASA: ANALISIS KESALAHAN BAHASA

### LATIHAN

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Majlis perasmian bangunan baharu itu akan diadakan di minggu hadapan.

\_\_\_\_\_

2. Kehilangan remaja perempuan itu telah dilaporkan oleh ibu dan bapanya ke pihak polis.

\_\_\_\_\_

3. Penduduk Taman Prima saling bantu-membantu untuk menjayakan majlis rumah terbuka.

\_\_\_\_\_

4. Para-para guru perlulah tabah dalam mendidik anak bangsa.

\_\_\_\_\_

5. Ai Ling adalah murid Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melawati.

\_\_\_\_\_

6. Guni yang berisi pasir itu sangat berat hingga tidak terangkat akan Joseph.

\_\_\_\_\_

7. Emma sungguh terkejut bila namanya dipanggil oleh ayah tirinya yang garang itu.

\_\_\_\_\_

8. Dua orang anak-anak lelaki Pak Hassan bekerja sebagai anggota polis.

\_\_\_\_\_

9. Pulau Mabul merupakan salah sebuah pulau yang paling tercantik di Sabah.

\_\_\_\_\_

10. Ibu memasukkan satu setengah cawan tepung ke dalam adunan kek itu.

\_\_\_\_\_